



SIARAN MEDIA

MAJLIS LIBAT URUS KEMENTERIAN DALAM NEGERI BERSAMA BADAN PENGURUSAN SYARIAH MALAYSIA

Untuk makluman, Kementerian Dalam Negeri (KDN) meneruskan siri Majlis Libat Urus KDN Bersama Badan Pengurusan Syariah Malaysia pada 7 September 2023 bagi mendapatkan cadangan dan pandangan yang komprehensif berhubung rangka kerja pelaksanaan Arahan Pentadbiran KDN yang ditambahbaik dari aspek penguatkuasaan dan kawalselia penerbitan yang mengandungi kalimah “Allah” di seluruh Negara.

Siri keempat ini yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri telah dihadiri seramai 23 orang jemputan dari Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Dalam melaksanakan majlis tersebut, para jemputan diberikan ruang untuk membincangkan mengenai pengurusan syariah dan penguatkuasaan perundangan termasuklah cadangan untuk mendepani isu-isu berbangkit di lapangan serta parameter kawalselia penerbitan berkenaan.

Ringkasnya melalui majlis ini, KDN telah memperoleh input dan cadangan agar parameter kawalselia yang dirangka selari dengan hasrat dan misi agensi-agensi penguatkuasaan yang terlibat serta seiring dasar yang ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) dan Majlis Raja-Raja kelak. Lanjutan itu juga, majlis ini diharapkan memupuk jalinan kerjasama dan semangat kebersamaan antara KDN dan agensi-agensi penguatkuasaan Malaysia agar urusan kawalselia penerbitan berkenaan dapat dilaksanakan dengan tertib dan harmoni.

KDN sekali lagi ingin menyatakan komitmen dalam menjaga keselamatan dan ketenteraman awam melalui tindakan penyeliaan dan kawalan terhadap penerbitan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam dan kepentingan Negara dari semasa ke semasa secara berterusan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
7 SEPTEMBER 2023

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, KDN di talian 03-8880 0813/ 0815.